

Dasar Pandang ke Timur tetap diteruskan - Mahathir

Dr. M. P. Look East Policy.

KUALA LUMPUR 14 Ogos — Kerajaan akan meneruskan Dasar Pandang ke Timur dan tidak akan tunduk kepada golongan intelek yang mendesak supaya dasar itu ditukarkan kepada dasar lain, tegas Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau mengecam golongan tersebut yang disifatkannya sebagai bersikap 'hamba abdi' kepada Barat kerana mereka mengagungkan orang Barat dan mengkritik Dasar Pandang ke Timur.

"Kita tidak akan menukar dasar sebagaimana yang digesa oleh golongan intelek yang hanya pandai bercakap dan membuat kertas - kertas kerja," katanya.

Oleh Zaini Nasri

Berucap merasmikan Hari Belia dan melancarkan Bulan Budaya 1986 di Stadium Jalan Raja Muda, di sini hari ini, Perdana Menteri juga menyifatkan golongan itu sebagai 'burung tiung' yang bijak berkata-kata tetapi tidak tahu bekerja.

"Golongan yang menentang Dasar Pandang ke Timur ini menganggap orang Barat atau orang putih lebih bagus daripada bangsa-bangsa lain di dunia dan mereka ini terdiri

daripada golongan intelek," tegasnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, golongan tersebut mengecam Dasar Pandang ke Timur menerusi penulisan esei, kertas kerja dan juga syarahan - syarahan mereka.

"Mereka ini adalah golongan yang bersikap hamba abdi kepada orang Barat dan memandang orang - orang Barat sebagai tuan mereka," katanya.

Beliau menegaskan bahawa orang - orang di negara maju di Barat sebenarnya tidak mempunyai apa-apa kelebihan yang lebih daripada kita malah mereka sudah tiba ke tahap bermalas - malas kera-

na telah mencapai kemajuan.

"Negara maju sudah sampai ke tahap mereka boleh berehat walaupun itu merugikan mereka sendiri tetapi mereka dapat bertahan dengan kekayaan yang telah mereka kumpulkan selama ini dan oleh kerana itu kita tidak boleh meniru mereka," tegas Perdana Menteri.

Beliau menyeru rakyat supaya bekerja empat atau lima kali lebih kuat daripada orang - orang di negara maju memandangkan pendapatan purata rakyat negara ini cuma seperlima sahaja daripada pendapatan purata di negara maju.